

29/08/2000

Kepentingan nilai etika dalam kehidupan manusia

Mat Lazim Salleh

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa ilmu mestilah berteraskan nilai etika ketika berucap dalam Majlis Makan Malam Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid baru-baru ini dan beberapa cetusan isu yang berkaitan dengannya menunjukkan betapa persoalan etika masih relevan untuk menjadi asas dalam kehidupan.

Nilai etika masih lagi menjadi asas dan prinsip bagi menjamin rasa keterikatan manusia kepada kelakuan, sikap, persepsi, motivasi dan personaliti yang baik bagi memastikan kehidupan terus unggul dalam keadaan yang terjamin dan sejahtera.

Ini bermakna perubahan dalam aktiviti kehidupan dan proses kemajuan dan pembangunannya tidak memadai dengan perubahan undang-undang sahaja tetapi mestilah diselarikan dengan kemantapan dalam perkembangan ke atas kefahaman dan penghayatan nilai etika.

Etika dan nilai mempunyai hubungan yang erat dan padu. Nilai lebih bersifat sikap, keyakinan dan pengangan sedangkan etika pula lebih bersifat batas ketentuan kebaikan dan keburukan.

Nilai lahir lebih awal apabila seseorang berkeyakinan tentang kepentingan ketentuan atau batas yang menentukan kebaikan dan keburukan, maka ia memerlukan etika.

Jika seseorang itu dari awalnya beranggapan bahawa ketentuan batas kebaikan dan keburukan dalam tingkah laku itu tidak diperlukan, maka dengan sendirinya ia tidak mementingkan etika.

Dalam kehidupan, manusia mestilah bersikap, berkeyakinan dan berpegang kepada ketentuan dan batasan yang menjurus kepada kebaikan di atas apa yang dilakukan dalam setiap aktiviti kehidupan mereka.

Lantaran itu, beberapa prinsip yang menjadi asas dalam kehidupan bersosial, berekonomi dan berpolitik mestilah berpandukan kepada nilai dan norma-norma terbaik dan yang diterima oleh kumpulan masyarakat. Aktiviti yang berteraskan kepada prinsip ini akan memberi implikasi yang baik kepada inidividu, organisasi, masyarakat dan negara.

Dalam dunia yang sedang dilanda arus globalisasi atau proses persejagatan, kehidupan menjadi lebih kompetitif hingga menyebabkan elemen kekuatan daya saing menjadi matlamat kehidupannya.

Justeru, ia mendorong manusia mengetepi serta meminggirkan pertimbangan nilai etika dalam membuat keputusan yang berkaitan kehidupan mereka. Ketentuan dan batasan mengenai baik atau buruk sesuatu tindakan bukan lagi berdasarkan penghayatan dan kefahaman yang menjurus kepada implikasi jangka panjang dan sejagat tetapi lebih kepada bersifat sementara dan persendirian atau kelompok tertentu.

Maka, berlakulah kepincangan dan kerumitan yang bukan saja menyempitkan kehidupan orang lain tetapi akan memberi kesan ke atas kehidupannya sendiri.

Ini jelas apa yang berlaku ke atas kesan kemelesetan ekonomi yang melanda negara Asean dua tahun lalu akibat perbuatan tidak beretika penguasa ekonomi dunia dan tokoh-tokohnya.

Ia menyebabkan kesusahan dan kerumitan hidup yang dialami bukan saja rakyat di negara Asean tetapi implikasinya turut dialami oleh negara maju gara-gara barangan dan perkhidmatan tidak dapat dipasarkan di negara Asean akibat kejatuhan kuasa membeli.

Banyak institusi dan pusat pengajian tinggi di United Kingdom dan Amerika Syarikat mengalami kemerosotan pelajar dari Asean. Begitu juga

dalam bidang pengeluaran barangan, jumlah jualan dan produktiviti industri terpaksa dikurangkan.

Etika kian dirasakan kepentingannya di zaman yang semakin canggih perkembangan ilmu, sains dan teknologinya. Kelulusan akademik yang tinggi serta kemahiran dan kepakaran berkerja belum lagi dapat menjamin kelahiran seorang perkerja, pengurus dan pemimpin yang baik, bersikap jujur, amanah, dan berintegriti tinggi.

Kecanggihan alat teknologi dan sistem maklumat yang terkini bukanlah satu jaminan bagi penghasilan kejayaan dalam kehidupan manusia, sebaliknya ia memudahkan golongan elit dan berpendidikan tinggi melakukan pelbagai jenayah kolar putih jika mereka tidak mempunyai prinsip dan pengangan moral dan etika yang tinggi dalam profesion masing-masing.

Kekuatan daya saing yang dibina tanpa berasaskan nilai etika dan moral dalam bidang perniagaan dan perdagangan menyebabkan berlakunya masalah kenaikan harga, memalsukan maklumat perniagaan, pencemaran udara dan alam sekitar akibat industrialisasi, gangguan seks dalam organisasi perniagaan, cetak rompak dan banyak lagi perbuatan yang tidak beretika dan bermoral.

Lantaran itu, kepercayaan masyarakat akan hilang dan implikasi ke atas mereka yang terbabit juga menyebabkan operasi mereka berada dalam risiko yang tinggi kerana berhadapan dengan tindakan undang-undang dan kemungkinan operasi perniagaan mereka tidak mempunyai hayat yang panjang dalam pasaran.

Fenomena ini sebenarnya memberi gambaran bahawa prinsip nilai etika masih menjadi tonggak yang penting dan masih relevan dalam kehidupan manusia.

Sebab itu masalah yang berlaku dalam isu kenaikan harga mendorong Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mewujudkan Kod Etika Perniagaan Islam.

Umno pula yang berhadapan dengan masalah politik wang dalam pemilihan pucuk pimpinan pada perhimpunan agungnya Mei lalu, mewujudkan kod etika bagi pemilihan dan kempen untuk mengikat dan membendung kegiatan tersebut.

Peningkatan produktiviti dan kualiti barangan dalam sistem pengurusan organisasi juga memerlukan kod etika. Ini jelas seperti yang ditekankan oleh Perdana Menteri dalam perutusan Hari Pekerja, 1 Mei lalu, bahawa nilai etika akan dapat menambah produktiviti dan kualiti.

Bagi meningkatkan kecekapan dan meyakinkan orang ramai kepada perkhidmatan awam, Kod Etika Perkhidmatan Awam diperkenalkan. Justeru, setiap profesion mempunyai kod etika masing-masing, seperti kedokteran, kejuruteraan, perundangan dan bidang lain.

Mungkin timbul beberapa persoalan yang berkaitan dengan nilai etika, iaitu dari segi perbezaan nilai etika dan peraturan atau undang-undang dalam kehidupan manusia kerana kedua-duanya adalah satu ketentuan dan batasan dalam menentukan sesuatu tindakan itu baik dan buruk, salah atau betul, kerana fungsi undang-undang dan peraturan juga untuk menjaga hak dan untuk menjamin kehidupan yang sejahtera.

Begitupun, ada beberapa aspek perbezaan yang perlu dijelaskan di antara undang-undang dan etika yang menyebabkan kedudukannya dalam kehidupan manusia adalah berbeza.

Dari segi penguatkuasaan, etika dikuat kuasa oleh hati kecil dan hukumannya terhadap pelanggaran yang dilakukan adalah perasaan bersalah dan menikam hati kecil. Ini disebabkan etika itu adalah penghayatan dan kefahaman terhadap nilai yang terpuji untuk diamalkan oleh manusia.

Undang-undang hanyalah dikuatkuasakan oleh badan berkuasa dan hukumannya terhadap sesuatu kesalahan itu dilaksanakan oleh badan berkenaan.

Dari segi keterbatasan dan ketentuan, ia lebih berbentuk adat, idealisme, keyakinan dan nilai moral.

Bagi undang-undang, ketentuan dan keterbatasan hak dan kelakuan baik

atau buruk adalah berbentuk dan bersifat pasti. Apabila melanggar undang-undang dan peraturan, ia merupakan kesalahan dan jika kesalahan itu bersifat jenayah, maka ia dijustifikasikan sebagai jenayah.

Dari segi skop, etika lebih umum dan lebih maksimum daripada undang-undang dalam mengawal jenayah kerana ia lebih bersifat penghayatan dan kefahaman ke atas perkembangan perubahan sikap terhadap kelakuan baik dan buruk di dalam masyarakat.

Sebab itu penentuan kelakuan baik dan buruk dalam etika adalah meliputi individu dan masyarakat yang berbagai ragam dan ia bersifat universal.

Sebab itu, mematuhi etika secara langsungnya mematuhi undang-undang manakala mematuhi undang-undang belum pasti menepati etika.

Justeru, didapati bahawa perkembangan dan kemajuan dalam kehidupan manusia tidak cukup sekadar perkembangan undang-undang dan peraturan sahaja tetapi perlu diperkukuhkan dengan nilai murni yang telah ditentukan dalam etika kehidupan bersosial, berpolitik dan berekonomi bagi menjamin perkembangan dan kemajuan kehidupan manusia yang lebih bersepadu dan sejahtera.

Dengan ini dapat difahami bahawa nilai etika dari segi penguatkuasaan, skop dan batasan serta ketentuannya lebih menyeluruh yang tidak dapat dicatat dan dituliskan sebagaimana undang-undang.

Sebab itu dari segi kedudukannya dan fungsinya, ia lebih tinggi dalam kehidupan manusia. Ia menjadi satu media dalam matlamat kehidupan dan ia sebagai pencetus kepada pembentukan budaya hidup manusia yang cemerlang.

Pengalaman lalu menunjukkan apabila sesebuah negara menjadi kaya dan maju, nilai-nilai moral dan etika yang menjadi pembimbing kemajuan pada peringkat permulaan, dilupakan.

Abdul Rahman Ibnu Khaldun, seorang sarjana pada abad ke-14, menyatakan bahawa apabila masyarakat menjadi kaya, ikatan moral akan menjadi lemah. Puncanya adalah nilai-nilai etika dan moral digantikan dengan keutamaan yang lain, menyebabkan ia menjadi tidak berpengaruh dalam kehidupan manusia itu sendiri.

Sehubungan dengan itu, kefahaman dan penghayatan nilai etika adalah penting bagi membolehkan manusia merealisasikan dalam bentuk amalan.

Nilai etika adalah pencetus kepada penyatuan dan penyelarasan di antara manusia, organisasi, masyarakat dan negara dalam memberi sumbangan terhadap kesejahteraan dan perpaduan ummah.

Walaupun ia merupakan teori, namun dengan kefahaman dan penghayatan serta mematuhi segala peraturan, cara dan perbuatan yang ditentukan batasannya, maka matlamat hidup yang cemerlang akan tercapai.

(END)